

27 JAN 2002

Hasan-Semangat (Bergambar)

SEMANGAT "MALAYSIA BOLEH" BANTU HASAN NAWAWI LEPASI CABARAN GETIR

Oleh: Adenan Jahaya

BUKIT KAYU HITAM, 27 Jan (Bernama) -- Semangat "Malaysia Boleh" yang terpahat di jiwa Hasan Nawawi Abdul Rahman membolehkan beliau mengatasi pelbagai cabaran getir sepanjang pengembaraannya berbasikal mengelilingi dunia yang berakhir hari ini.

Hujan lebat, salji, gunung-ganang dan ancaman anjing liar adalah antara beberapa cabaran yang dihadapinya sepanjang pengembaraan selama 388 hari bermula 4 Jan 2001.

Bekas pegawai daerah Port Dickson itu, yang mencatat sejarah sebagai rakyat Malaysia pertama mengelilingi dunia secara berbasikal, berkata semangat "Malaysia Boleh" menjadi bekalan pengembaraannya.

"Saya tidak nampak ada halangan besar di hadapan saya. Tayar basikal saya pancit hampir 100 kali sepanjang pengembaraan dan ia adalah perkara biasa," katanya pada sidang media selepas menamatkan misi negara itu.

Beliau tiba dari Thailand hari ini setelah menjelajahi 18 negara sejauh 26,565 kilometer bersama-sama adiknya Ahmad Ridhwan, 39, yang menjadi pengiringnya.

Beliau turut membawa lastik sebagai persediaan menghadapi binatang liar semasa mengayuh basikal pada kadar purata 160 kilometer sehari.

Hasan Nawawi, 47, yang berasal dari Manong, Perak, berkata cita-citanya untuk mengembara mengelilingi dunia bermula pada 1988 selepas kejayaan pengembaraan berbasikalnya dari Johor Bahru ke Padang Besar, Perlis.

"Selama hampir 13 tahun saya menyimpan cita-cita untuk keliling dunia. Saya kaji perjalanan dengan membeli buku-buku mengenai negara yang bakal saya lalui," katanya.

Pengembaraan yang membabitkan perbelanjaan RM100,000 itu diwarnai dengan pelbagai peristiwa termasuk kesukaran mendapatkan bekalan air di padang pasir, ancaman anjing, bermalam di bawah jambatan dan tidur dalam trak di sebuah garaj kereta.

"Saya tidak pernah menangis kerana cabaran-cabaran itu. Hari ini saya menangis kerana terharu dan gembira disebabkan rakyat Malaysia menghargai saya," katanya.

Beliau tidak menduga sambutan besar diberikan kepadanya seperti perarakan berbasikal oleh rakan-rakan sekampungnya dari Manong, Perak serta rakan-rakan di Port Dickson yang menunggunya di pekan Danok, Thailand.

Di pos Imigresen Bukit Kayu Hitam, beliau disambut dengan paluan kompang dan pancaragam sebelum diarak ke tempat sabak saudara dan orang ramai menunggunya tidak jauh dari sempadan antarabangsa.

Hasan Nawawi berhasrat membukukan kisah pengembaraannya dengan kerjasama seorang penulis, Zainuddin Ayip, untuk tatapan rakyat Malaysia.

Katanya buku itu dijangka berada di pasaran kira-kira dua bulan lagi.

Hasan Nawawi yang menyambut ulang tahun kelahirannya ke-47 di Hanoi pada 9 Dis lepas berkata kejayaan pengembaraannya turut disokong oleh Ahmad Ridhwan.

"Adik saya menjadi rakan untuk berbual. Beliau juga kuat semangat dan mampu berbasikal seperti saya," katanya sambil berkata pengembaraan secara solo akan membosankan kerana tiada rakan untuk berbual.

Anak keenam daripada 10 beradik itu berharap lebih ramai rakyat Malaysia akan melakukan percubaan yang boleh meletakkan nama Malaysia di mata dunia.

Hasan Nawawi, yang bercuti tanpa gaji selama setahun semata-mata untuk membawa misi negara itu, berkata berdasarkan masyarakat seluruh dunia yang

ditemuinya, mereka rata-rata mengenali Malaysia.

"Malah, ada rakyat Amerika Syarikat yang masih mengingati Batu Tiga, Shah Alam sebagai tempat lumba kereta," katanya.

Katanya Malaysia dikagumi kerana kejayaan Datuk Azhar Mansor mengelilingi dunia dengan belayar secara solo dan beliau mempunyai minat yang berbeza dengan berbasikal mengelilingi dunia untuk membawa misi negara.

Hasan Nawawi berkata rakyat Malaysia yang kreatif serta berkebolehan perlu memikirkan secara berterusan perkara yang boleh mengangkat nama negara di mata dunia.

Bagaimanapun, katanya setiap percubaan yang membabitkan pengembaraan di negara luar memerlukan kajian di samping semangat kental dan minda yang kuat.

Beliau berkata cita-cita asalnya mengembara bagi memenuhi impian hidupnya tetapi Kementerian Belia dan Sukan (KBS), yang menyumbangkan separuh daripada perbelanjaan pengembaraan itu, mencadangkannya supaya ia menjadi misi negara.

Hasan Nawawi berkata selepas ini beliau akan melaporkan diri untuk bertugas tetapi sehingga kini beliau belum mengetahui di mana akan ditempatkan.

Menurutnya esok, beliau akan pulang ke tempat kelahirannya di Kampung Suak Petai, Manong, Perak untuk program kayuhan Manong sejauh 25 kilometer bersama-sama rakan sekampungnya.

Pada 29 Jan, beliau akan bertemu Menteri Besar Perak Tan Sri Mohamed Tajol Rosli Ghazali dan keesokannya bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya.

Menurutnya beliau juga bersedia memberi ceramah motivasi kepada golongan belia dan pelajar terutama mengenai pengalaman pengembaraannya.

Sementara itu, isterinya, Norlida Mohamed Jaya, 42, bersyukur kerana Hasan Nawawi dapat menamatkan pengembaraan yang menjadi perhatian negara.

Suri rumah itu berkata walaupun suaminya meninggalkan tanah air selama setahun 23 hari, tetapi mereka berhubung menerusi e-mel setiap hari.

"Saya tahu pergerakannya tapi tidak tahu masalah yang dihadapinya. Dia tidak mahu menceritakan masalahnya kerana tidak mahu kami bimbang," katanya.

Norlida berkata sepanjang pengembaraan itu, beliau sempat bertemu suaminya di Turki, London, Seoul, Vietnam dan Bangkok.

"Saya dan anak-anak amat gembira dengan kepulangannya. Saya tidak tahu sama ada beliau akan mengembara lagi," katanya.

Sementara itu, Ketua Setiausaha KBS Datuk Mahamad Zabri Min berkata kementerian akan mempelawa Hasan Nawawi mengadakan ceramah motivasi di seluruh negara.

Sebelum ini, kementerian mengundang Datuk Azhar Mansor, pelayar kelahiran Perlis yang diberi gelaran "wira samudera" kerana kejayaannya belayar mengelilingi dunia secara solo dengan kapal layar Jalur Gemilang.

-- BERNAMA

AD NAK